

**AMANAT TAHUN BARU YB DATUK DR EWON EBIN,
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
PADA 20 FEBRUARI 2014**

Yang Berhormat Datuk Dr. Abu Bakar Mohammad Diah,
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Yang Berbahagia Dato' Dr. Rosli Bin Mohamed,
Ketua Setiausaha, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Yang Berbahagia Dato' Dr. Mohd Azhar Bin Haji Yahaya
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Sains, Teknologi dan
Inovasi

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan/ Agensi MOSTI
Pegawai-pegawai MOSTI serta Jabatan dan agensi.

YBhg. Dato', Datin, Professor, Doktor, Tuan-tuan dan puan-puan yang
dikasihi sekalian.

Selamat pagi, Salam 1Malaysia dan Salam 1 MOSTI.

1. Saya rasa masih belum terlewat untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua warga MOSTI serta Jabatan dan Agensi meskipun telah memasuki bulan kedua tahun 2014.

2. Saya merasa amat berbesar hati dengan kehadiran semua hadirin daripada MOSTI, Jabatan dan agensi yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan kerana dapat sama-sama berkumpul dalam Majlis Amanat Tahun 2014.

3. Selama hampir setahun saya dilantik sebagai Menteri MOSTI, saya dapat melihat dan merasa bangga dengan komitmen dari semua pihak dan pencapaian cemerlang Kementerian ini sepanjang tahun 2013 secara keseluruhannya. Pencapaian ini adalah hasil kerjasama dan sumbangan daripada semua pihak. Untuk makluman semua, sebanyak 17 KPI telah ditetapkan bagi tahun 2013 dan MOSTI telah mencapai KPI sebanyak 132%, iaitu melebihi daripada sasaran yang telah ditetapkan. Saya juga ingin memaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri amat berpuas hati dengan pencapaian cemerlang ini.

4. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi

penghargaan dan terima kasih kepada semua warga MOSTI serta Jabatan dan agensi di atas komitmen cemerlang dalam melaksanakan segala tugas yang diamanahkan. Tahniah diucapkan.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

AMANAT YAB PERDANA MENTERI

5. YAB Perdana Menteri sering menekankan supaya kakitangan awam meningkatkan kualiti tadbir urus dan integriti. Oleh itu, kita perlulah mengamalkan sifat-sifat positif untuk memastikan MOSTI sentiasa mendokong Dasar Transformasi Nasional ke arah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Di bawah dasar ini, Kerajaan telah menggariskan 7 bidang keberhasilan Utama Negara (NKRA) melalui Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Sosial dan Program Transformasi Politik. Di samping itu, Kerajaan telah menggariskan 7 Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) bagi menyokong program-program transformasi tersebut.

6. Kerajaan juga menekankan kepada kawalan perbelanjaan mengurus yang perlu dikurangkan dan mesti dilaksanakan secara berhemat. Oleh itu, setiap bahagian jabatan dan agensi di bawah

MOSTI diingatkan supaya berbelanja secara cermat, berhemat dan menepati peraturan yang ditetapkan.

TUMPUAN UTAMA MOSTI 2014

7. Sebagaimana yang kita semua maklum, Kerajaan telah meluluskan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) pada bulan Mac 2013. Melalui DSTIN, agenda Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) akan diarusperdanakan di semua peringkat masyarakat dalam semua sektor. Pada tahun 2014 kita akan menumpukan kepada pelaksanaan program-program *flagship* dan pelan tindakan yang telah digariskan di dalam DSTIN. Antara program *flagship* yang telah dikenalpasti adalah Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP), Kajian Mega Sains 3.0 dan Tahun Pengkomersilan MOSTI 2014 (MCY2014).

8. Program BCDP sebagaimana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2014 tempohari adalah bagi merancang dan memaksimumkan peluang pengkomersialan dalam industri berasaskan bio. Kajian Mega Sains 3.0 pula akan menumpu kepada lima sektor yang telah dikenalpasti iaitu industri automotif, industri pelancongan, industri plastik dan komposit, industri perabot dan

keselamatan makanan. Kajian ini adalah bagi menilai bagaimana bentuk cabaran, risiko dan sumbangan sains bagi sektor-sektor yang telah dikenalpasti kepada negara. Manakala program MCY 2014 akan memberi tumpuan khusus kepada aspek pengkomersialan produk penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan sasaran sekurang-kurangnya 60 produk R&D dikomersialkan setiap tahun sehingga 2020.

9. Selaras dengan amanat YAB Perdana Menteri yang menekankan mengenai kualiti tadbir urus dan integriti yang perlu ditingkatkan, MOSTI telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik pengurusan Dana R,D&C ke arah meningkatkan kadar pengkomersialan produk R&D yang berorientasikan pasaran.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

10. Bagi memantapkan fungsi dan peranan MOSTI selaku peneraju agenda STI negara, beberapa dasar dan rang undang-undang sedang digubal dan juga ditambahbaik. Antaranya Dasar Angkasa Negara, Dasar Polar Negara, Dasar Nanoteknologi Negara, RUU Tenaga Atom, RUU Sains, RUU *Malaysia Board Of Technologists* (MBOT) dan Akta Kimia. Saya berharap semua penggubalan dasar dan pindaan akta tersebut dapat diselesaikan dalam tahun ini.

11. Dalam usaha memantap dan mengoptimumkan fungsi serta peranan MOSTI, satu pelan transformasi yang melibatkan penstrukturan semula Kementerian sedang diperincikan. Inisiatif transformasi *National Institute Biotechnology Malaysia* (NIBM) boleh dilihat sebagai langkah awal penstrukturan semula MOSTI secara menyeluruh.

12. Sistem penyampaian maklumat secara cepat dan tepat kepada orang awam amatlah penting bersesuaian dengan kemajuan teknologi terkini. Sebagai Kementerian yang menyediakan perkhidmatan saintifik seperti analisis forensik, sistem amaran awal tsunami, ramalan cuaca dan *remote sensing*, penambahbaikan berterusan dalam meningkatkan penggunaan teknologi dan kepakaran adalah penting. Ini bagi meningkatkan kecekapan pengurusan sumber dan bencana dalam menjamin keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Sebagai contoh, Kerajaan telah memutuskan supaya MOSTI meningkatkan ketepatan ramalan cuaca serta mengambil inisiatif dalam meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan ramalan cuaca dalam aktiviti harian.

Para hadirin sekalian

13. Negara kini sedang giat membuat persediaan memasuki fasa

RMKe-11 yang merupakan rancangan pembangunan terakhir sebelum kita mencapai Wawasan 2020. Untuk pengetahuan bersama, dokumen RMKe-11 sedang disediakan di mana setiap Kementerian dikehendaki memberikan input yang berkaitan dengan bidang tugas Kementerian masing-masing. MOSTI telah dilantik untuk menerajui *Technical Working Group (TWG)* STI. Dengan itu, saya menyeru semua Ketua Jabatan dan agensi yang telah dilantik mengetuai *TWG/ Focus Group* berkaitan supaya bersama-sama memikir dan merancang strategi serta pengisian RMKe-11 agar peranan MOSTI dapat diperkasakan lagi.

CABARAN 2014

14. Saya melihat banyak program yang telah dirancang pada tahun 2014 ini, justeru itu suka saya mengingatkan bahawa dalam melaksanakan program-program tersebut, kita perlulah berpandukan kepada langkah penjimatan dan perbelanjaan berhemat yang disarankan oleh Kerajaan. Ini termasuklah sasaran 5% penjimatan bil-bil utiliti. Saya yakin semua program yang telah dirancang pada tahun ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pada masa yang sama, semua langkah penjimatan dan pengurangan kos ini akan dilaksanakan tanpa menjejaskan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

Para hadirin sekalian

15. Saya turut memahami dan merasai kesan kenaikan harga barang ke atas beban kos sara hidup. Di samping pelbagai inisiatif yang telah diumumkan oleh Kerajaan, suka saya menasihatkan supaya kita semua turut mengamalkan langkah berjimat cermat dan perbelanjaan berhemat agar kesejahteraan hidup tidak terjejas. Saya mengalu-alukan sebarang pandangan dan saranan yang dapat membantu menangani beban kos sara hidup yang meningkat.

PENUTUP

16. Saya ingin menyeru semua warga MOSTI supaya sama-sama mengamalkan nilai kerja yang bermutu tinggi, amanah, inovatif dan kreatif serta meningkatkan kepantasan cara bekerja. Kita tinggalkan tahun 2013 dengan penuh kenangan dan pencapaian yang cemerlang. Semoga kita dapat memperkuat lagi keazaman dan semangat kita semua untuk meneruskan visi dan misi MOSTI.

17. Akhir sekali, suka saya mengingatkan sebagai warga MOSTI kita perlu cukup matang untuk menilai maklumat-maklumat yang diterima dan tidak dengan mudah menyebarkannya. Penyebaran maklumat yang

tidak tepat akan menimbulkan implikasi negatif dan seterusnya mengakibatkan situasi yang sukar dibendung. Kita sama-sama perlu memperkukuhkan komitmen kita terhadap perpaduan yang selama ini menjadi asas kukuh keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia.

Sekian, terima kasih.